



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau warganegara Malaysia yang berkeelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut di Yayasan Pelajaran Johor :

A. NAMA JAWATAN

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GREED	TARAF JAWATAN
1.	Pegawai Tadbir	N41	KONTRAK

B. JADUAL GAJI MINIMUM DAN MAKSIMUM

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
1.	Pegawai Tadbir N41	RM 2,080.00	RM 9,546.00

C. SYARAT LANTIKAN

1. Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ; dan
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi- institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan ialah Gred N41: RM 2,080.00] atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan ialah Gred N41: RM2,283.43]

Dan

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :

- (a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keputian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

D. PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

E. LATIHAN

Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

F. CARA PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang YPJ 007 yang boleh diperolehi secara percuma di Pejabat Yayasan Pelajaran Johor, No. 15, Bangunan YPJ, Jalan Nuri, Larkin Jaya, 80350 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.
- (b) Sila nyatakan nama jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul berkenaan semasa mengembalikan borang permohonan.
- (c) Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah Mengikut Peraturan 17, Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan 2005)
- (d) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport dan salinan diakui sah dokumen-dokumen berikut :-
 - i. Kad Pengenalan
 - ii. Sijil Kelahiran
 - iii. Sijil-Sijil Persekolahan (SRP/PMR/PT3/SPM/STA/STPM/STAM)
 - iv. Sijil Berhenti Sekolah Yang Terakhir
 - v. Diploma / Ijazah berserta transkrip penuh (jika berkaitan)
- (e) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat berikut :

**Pengurus Besar
Yayasan Pelajaran Johor
No 15, Bangunan YPJ
Jalan Nuri , Kg. Dato' Onn Jaafar
Karung Berkunci 711
80990 Johor Bahru**

G. NOTA / CATATAN AM

- a. Setiap permohonan jawatan hendaklah menggunakan satu borang sahaja bagi setiap jawatan yang dipohon. Sekiranya permohonan jawatan lebih dari satu hendaklah menggunakan borang yang berasingan.
- b. Hanya calon – calon yang layak selepas tapisan dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil / dihubungi untuk ditemuduga.
- c. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- d. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.

- e. Pegawai-Pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan disertakan dengan Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini.

H. TARIKH TUTUP IKLAN

8 Februari 2018 (Khamis)

Pengurus Besar
Yayasan Pelajaran Johor